



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE
 KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
 NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
 Faks : 03-8882 3893
 03-8882 3894
 Web : www.treasury.gov.my

SULIT

Perfected Wsf
File barang dagu
Tkp Larvan
da pejabat Salza

Ruj. Tuan : MPC(PCT)100.2/1
 Ruj. Kami : MOF.BPK (S)600-15/8/19 (26)
 Tarikh : 18 Disember 2020

YBhg. Dato' Lokman Hakim Ali

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Aras 28, Menara MITI

No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah

50480 KUALA LUMPUR

No. Faks: 03 - 6211 0536

YBhg. Dato',

PELANJUTAN TEMPOH BAGI PELANTIKAN BADAN PENILAIAN UNTUK TINJAUAN KESEDIAAN INDUSTRY4WRD (RA)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang diterima melalui sistem *Electronic Government Procurement Application* (eGPA) pada 1 Disember 2020 mengenai perkara di atas. Maklumat tambahan diterima daripada MPC melalui e-mel bertarikh 14 Disember 2020 dan 15 Disember 2020 adalah berkaitan:

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah meneliti permohonan MPC untuk melanjutkan tempoh kontrak selama satu (1) tahun bagi enam (6) Badan Penilaian (AB) Untuk Tinjauan Kesiediaan Industry4WRD (RA) dan semakan mendapati seperti berikut:

- a) MPC menggunakan baki peruntukan Belanja Pembangunan (DE) bagi tahun 2019 dan tahun 2020 yang masih belum dibelanjakan bagi membiayai kos pelanjutan perolehan di atas. Oleh yang demikian, MPC tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan (AP) 6(ii) yang menetapkan bahawa apa-apa wang yang telah diperuntukkan bagi sesuatu maksud yang khusus hendaklah diserahkan balik kepada Kumpulan Wang Disatukan sekiranya tidak dibelanjakan bagi maksud tersebut dalam tempoh yang dibenarkan baginya;
- b) MPC gagal memastikan syarikat MIMOS Berhad (MIMOS) mengemukakan semula Surat Setuju Terima (SST) yang telah ditandatangani balas mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam SST iaitu selama 30 hari;
- c) MPC tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/FK4.2/Perenggan 6.1/Jadual 2 yang menetapkan bahawa kontrak formal hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat (4) daripada tarikh SST dikeluarkan bagi perolehan bermasa; dan



MOF.BPK (S)600-15/8/19 (26)

18 Disember 2020

SULIT

- d) MPC tidak memaklumkan perubahan tempoh pelaksanaan bagi setiap syarikat AB berbeza dengan surat kelulusan MoF bertarikh 6 April 2020 dengan tempoh pelaksanaan dalam SST yang dikeluarkan kepada syarikat AB.

3. Sehubungan itu, MPC diberikan teguran ke atas ketidakpatuhan seperti yang disenaraikan di perenggan 2 (a) hingga (d) di atas. Walau bagaimanapun, bagi memastikan perkhidmatan sedia ada tidak terputus, MoF bersetuju meluluskan permohonan MPC untuk melanjutkan tempoh kontrak selama satu (1) tahun mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 bagi enam (6) Badan Penilaian (AB) Untuk Tinjauan Kesediaan Industry4WRD (RA) dengan syarikat yang dikenal pasti tanpa melibatkan sebarang pertambahan kos kepada nilai kontrak sedia ada seperti perincian di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Bil.	Nama Syarikat	Nilai Kontrak (RM)
i.	SIRIM Berhad (SIRIM)	1,400,000.00
ii.	MIMOS Berhad (MIMOS)	640,000.00
iii.	Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARII)	1,840,000.00
iv.	TUV SUD (Malaysia) Sdn. Bhd. (TSMBS)	2,400,000.00
v.	YNY Technology Sdn. Bhd. (YTSB)	720,000.00
vi.	Respect Business and Advanced Technology Solutions Sdn. Bhd. (RBATSSB)	400,000.00
Jumlah Keseluruhan (RM)		7,400,000.00

4. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini;
- Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- MPC hendaklah mewujudkan perjanjian tambahan dengan semua syarikat AB yang dikenal pasti bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara; dan
- MPC bertanggungjawab untuk memastikan semua syarikat AB yang dikenal pasti mematuhi obligasi kontrak dan memenuhi spesifikasi perkhidmatan yang ditetapkan.

5. Bagi mengelakkan sebarang isu bayaran kepada syarikat yang dilantik, MoF juga bersetuju supaya MPC diberikan pengecualian khas untuk melanjutkan tempoh menandatangani dokumen kontrak melebihi empat (4) bulan daripada tarikh SST dikeluarkan bagi perolehan di atas sehingga 31 Disember 2020 untuk syarikat MARII, syarikat TSMBS dan syarikat RBATSSB. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- MPC hendaklah memastikan pengecualian ini tidak akan menjejaskan perkhidmatan yang akan diberikan;



MOF.BPK (S)600-15/8/19 (26)

18 Disember 2020

SULIT

- b) MPC hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan perolehan yang efisien untuk mengelakkan berlakunya kelewatan dalam menandatangani kontrak formal pada masa akan datang; dan
- c) MPC hendaklah memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan bagi memperoleh nilai faedah yang terbaik kepada Kerajaan.

6. Kelulusan ini diberikan untuk perolehan ini sahaja dan tidak boleh dijadikan *precedent* bagi perolehan lain seumpamanya di masa hadapan.

7. Memandangkan perkhidmatan syarikat AB adalah berterusan dalam usaha Kerajaan mencapai Industri 4.0 dan bagi mengelakkan permohonan rundingan terus yang berulang-ulang untuk pertimbangan MoF, MPC dikehendaki menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi perolehan di atas dan mengemukakan salinan SOP tersebut melalui perakuan Pegawai Pengawal MITI untuk dimuktamadkan di peringkat MoF.

8. Bagi tujuan penambahbaikan proses perolehan, MoF juga mencadangkan supaya Bahagian Audit Dalam MITI melaksanakan audit ke atas perolehan ini secara berkala dan mengemukakan satu (1) laporan lengkap kepada MoF untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ZAMZURI BIN ABDUL AZIZ)

Bahagian Perolehan Kerajaan
s.p. Ketua Perusahaan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

YBhg. Dato' Abd. Latif Hj. Abu Seman

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Peti Surat 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Faks: 03-7958 1697

YBhg. Datuk Saiful Anuar bin Lebai Hussien

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Setia Perdana 6
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

No. Faks: 03-8888 3755

Dato' SBPK

